

Artikel

Dari Kuasa Unipolar Ke Multipolar: Peranan G7, G20 Dan BRICS dalam Mempengaruhi Halatuju Ekonomi Negara Membangun
(From Unipolar to Multipolar Power: The Role of G7, G20, and BRICS in Shaping the Economic Direction of Developing Countries)

Nur Allisyah Ahmad Azman¹, Benny Teh Cheng Guan^{1,*}, Sara Alisha Mohd Afandi¹, Muhammad Fahim Faidhi Mohd Azman¹, Siti Safya Omar Mohd Azam¹ & Muhammad Faris Aimam Mas Fadilah²

¹Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia

²Pusat Pengajian Sains Kajihayat, Universiti Sains Malaysia, 1800 Pulau Pinang, Malaysia

*Pengarang Koresponden: ben@usm.my

Diserah: 18 Mac 2025

Diterima: 27 Mei 2025

Abstrak: Adakah era dominasi ekonomi barat semakin berakhir? Kemunculan G7, G20, dan BRICS mencerminkan transformasi orde dunia dan peralihan terhadap kuasa multipolar dalam pentadbiran global dan pembangunan ekonomi. Justeru kajian ini menganalisis impak peranan G7, G20, dan BRICS terhadap pentadbiran global dan dasar ekonomi di negara-negara membangun dengan fokus terhadap Indonesia dan Brazil. G7 merupakan pelopor kepada organisasi seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), yang kini dianggap kurang relevan akibat sifatnya yang ekslusif. Sebaliknya, G20 mengintegrasikan ekonomi yang sedang pesat membangun, secara serentak menyediakan platform yang lebih luas untuk pembuatan keputusan di tahap global. Sementara itu, BRICS berusaha untuk mencabar dominasi Barat, namun pengaruh China di dalam blok ini berpotensi untuk menggagalkan objektifnya. Melalui penilaian kualitatif terhadap dokumen dasar, pangkalan data institusi kewangan global, artikel surat khabar dan sumber akademik, kajian ini justeru menaksir bagaimana negara-negara membangun ini menongkah pengaruh ekonomi kumpulan-kumpulan tersebut, sambil mengimbangi potensi dan keterbatasan mereka. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa G7 kekal dominan namun mula goyah setelah G20 menawarkan inklusiviti walaupun masih terkesan oleh pengaruh barat. Manakala BRICS, walaupun menghadapi cabaran dalam tetap membawa potensi jangka panjang dalam membina orde ekonomi dunia yang lebih multipolar sekiranya ia berjaya mengukuhkan solidariti dalaman dan memperkuuh institusi kewangannya secara adil.

Kata kunci: G7; G20; BRICS; negara membangun; multipolar

Abstract: Is the age of Western economic dominance coming to an end? The emergence of G7, G20, and BRICS reflects world order transformation and the shift toward multipolar power in terms of global governance and economic development. G7 is the forerunner of organizations such as the World Bank and International Monetary Fund (IMF), which is deemed less relevant today due to its exclusivity. Conversely, G20 incorporates emerging economies, providing a larger platform for global decision-making. Meanwhile, BRICS strives to challenge the Western dominance, but China's influx in the bloc could derail the objective. This paper examines the implications of these blocs on developing countries with an emphasis on Indonesia and Brazil as case studies. Through qualitative evaluation of policy documents, global financial institutions' databases, news articles and academic sources, it assesses how these developing countries navigate the economic influence by these groups, while balancing their potentials and limitations. The findings of the study

indicate that the G7 remains dominant but is beginning to waver as the G20 offers inclusivity, though still influenced by the West. Meanwhile, BRICS, despite internal challenges, holds long-term potential in building a more multipolar global economic order if it succeeds in strengthening internal solidarity and enhancing its financial institutions fairly.

Keywords: G7; G20; BRICS; developing countries; multipolar

Pengenalan

Transformasi dalam orde dunia telah menjadi salah satu topik paling penting dalam perhubungan antarabangsa, khususnya dari sudut peralihan kuasa politik dan ekonomi global. Sepanjang abad ke-20, dunia menyaksikan peralihan daripada sistem bipolar yang dikuasai oleh Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Soviet kepada sistem unipolar yang didominasi oleh Amerika Syarikat berikutan keruntuhan Kesatuan Soviet (Gurunathan & Moorthy, 2021). Dalam sistem bipolar, persaingan ideologi antara kapitalisme, yang diperjuangkan oleh Amerika Syarikat, dan komunisme, yang dipimpin oleh Kesatuan Soviet, membentuk landskap politik dan ekonomi global (Gaddis, 2005). Namun, kejatuhan Kesatuan Soviet pada tahun 1991 menandakan kemunculan unipolariti, di mana Amerika Syarikat muncul sebagai kuasa besar tunggal, mengemudi tadbir urus global dan dasar ekonomi. Walau bagaimanapun, sistem unipolar ini telah mula tergugat dengan kemunculan kebangkitan kuasa baru, membayangkan kemungkinan peralihan kepada sistem multipolar (Layne, 2012).

Dari segi ekonomi, peralihan kuasa global telah menyaksikan kebangkitan kuasa besar ekonomi baharu, khususnya di Asia. Hal ini boleh dilihat rentetan pelaksanaan reformasi ekonomi pada 1978, China telah merekodkan kebangkitan ekonomi yang mengagumkan sehingga berjaya membentuk hegemoni ekonomi tersendiri di peringkat global (Yahya et al., 2020). Justeru pertumbuhan ekonomi China yang pesat, di samping pengaruh India yang semakin meningkat telah memangkin penyimpangan daripada penguasaan ekonomi Barat (Zakaria, 2008). Transformasi ekonomi ini berlaku seiring dengan perkembangan ideologi, dengan tumpuan yang lebih pada pembangunan yang saksama, kemampanan, dan integrasi kerjasama pelbagai hala dalam tadbir urus global. Multilateralisme telah menjadi rangka kerja penting untuk menangani cabaran global yang dikongsi bersama, daripada isu perubahan iklim sehingga isu keselamatan antarabangsa (Keohane, 2003).

Dalam konteks ini, kumpulan seperti G7, G20 dan BRICS memainkan peranan penting dalam membentuk dan mempengaruhi susunan global. G7, yang ditubuhkan pada 1975, pada mulanya berfungsi sebagai forum bagi negara-negara perindustrian maju untuk membincangkan isu-isu ekonomi dan kewangan global (Bayne, 2000). Keanggotaan yang terhad kepada tujuh negara maju, menyebabkan G7 sering dikritik kerana bersifat kurang inklusif. Namun begitu, G7 kekal relevan dalam menangani isu kritis seperti perubahan iklim dan bantuan pembangunan. G20 yang dibentuk pada 1999 sebagai tindak balas kepada krisis kewangan Asia pulak bermatlamat menyediakan platform dengan keanggotaan yang lebih inklusif merangkumi negara-negara maju dan membangun. Manakala BRICS muncul sebagai tindak balas kepada penguasaan barat dalam institusi global. Ketiga-tiga kumpulan ini telah memangkin perubahan yang penting di peringkat global. Walau bagaimanapun, persoalan utama kekal sejahtera mana organisasi ini boleh mengubah susunan global ke arah tadbir urus yang lebih saksama dan adil. Oleh itu, pengenalan ini menetapkan asas untuk memahami peranan G7, G20, dan BRICS dalam susunan global, serta bagaimana negara membangun seperti Indonesia dan Brazil menggunakan mereka untuk menyokong kemajuan global mereka.

Sorotan Literatur

1. Peranan dan Fungsi G7, G20 dan BRICS

G7 berperanan penting sebagai pemangkin utama proses globalisasi (Enea et al., 2015). Ketua-ketua negara yang terlibat di dalam Sidang Kemuncak G7 akan bersemuka untuk membincangkan hal ehwal hak asasi manusia, demokrasi, kebebasan dan bertukar pendapat dalam isu-isu penting yang lain seperti ekonomi global.

Contohnya, berdasarkan Nelson (2020) melalui laporan '*Congressional Research Service*', dapat dilihat bahawa hasil perbincangan Sidang Kemuncak G7 di Biarritz telah memperbahaskan isu-isu seperti perubahan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), menangani isu geopolitik seperti mengelakkan Iran daripada memiliki senjata nuklear, menyokong gencatan senjata di Libya, serta memperkuatkan semula autonomi di Hong Kong. G7 turut menjadi platform untuk Menteri-Menteri Kewangan serta Gabenor-Gabenor Bank Negara dari ketujuh-tujuh negara anggota G7 untuk membincangkan polisi makroekonomi dan kadar pertukaran wang, serta membina polisi bersama dalam institusi kewangan antarabangsa (Baker, 2006). Namun, disebabkan oleh G7 yang mempunyai sebilangan kecil sahaja ahli-ahli di dalam persatuan tersebut, hal ini telah menyebabkan persatuan ini menjadi kurang efektif dan keberkesanan mereka terhad, lalu perkara ini menjadi masalah utama bagi G7 kerana mengecualikan negara-negara membangun (Baker, 2006). Eksklusiviti G7 telah mengecualikan pihak penting semasa perbicaraan dilakukan, sebagai contoh, di dalam perang Ukraine, tiada representasi daripada Poland yang melemahkan keupayaan G7 untuk menangani isu tersebut secara komprehensif (Dijkstra & Greco, 2024).

Di samping itu, Olsen et al., (2023) menyatakan bahawa G20 telah diwujudkan pada tahun 1999 untuk menangani krisis ekonomi di Asia dan Mexico pada tahun akhir 1990-an. Pemerhati-pemerhati telah mentafsirkan bahawa dengan adanya peningkatan peranan G20 sebagai titik perubahan urusan pentadbiran global, hal ini menandakan era baharu di mana negara-negara maju dan membangun kerjasama untuk mengurus ekonomi dunia (Patrick, 2024). G7 telah menghadapi cabaran yang lebih besar dalam mempertahankan relevansi persatuan tersebut apabila kewujudan G20 adalah lebih inklusif dan membawa representasi yang lebih besar (Hajnal, 2022). Patrick (2024) mengutarakan bahawa G20 yang telah mendapat pengisytiharan sebagai "forum utama bagi kerjasama ekonomi antarabangsa" telah berjaya menyuntik kecairan (*liquidity*) bagi menaikkan permintaan global, memperkasakan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia, serta menubuhkan *Lembaga Kestabilan Kewangan* sebagai tunggak baharu bagi sistem *Bretton Woods*.

Perseteruan geopolitik antara blok timur dan liberal barat yang semakin memuncak telah membawa kepada kemunculan kumpulan BRICS (Crowe, 2025). Peranan BRICS menurut Kolesnichenko, Rozanov dan Debin (2016) adalah ianya telah berkembang menjadi forum utama yang bukan sahaja mencerminkan globalisasi tetapi juga menjadi pengungkit kawalan penting dalam proses global. Ia juga dikatakan bertujuan untuk menyatukan negara-negara dengan ekonomi sedang membangun yang diramalkan menjadi kuasa ekonomi utama abad ke-21, termasuk Brazil, Rusia, India, China, dan Afrika Selatan. Menurut mereka lagi, BRICS memainkan peranan penting dalam membina atas bagi orde dunia baru melalui kerjasama antarabangsa yang mana format ini bertindak sebagai "arkitek globalisasi," dengan mengukuhkan atas kerjasama ekonomi global. Peranan ini disokong oleh penulisan oleh Vyas-Doorgapersad (2022) yang menyatakan bahawa BRICS menyokong kestabilan ekonomi melalui dasar dalam dan luar negara, memupuk persekitaran yang mengurangkan risiko luaran dan menyokong cabaran dalaman tanpa campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri.

2. Potensi G7, G20, dan BRICS dalam Mentransformasi Sistem Global

Laura von Daniels, Ketua Bahagian Penyelidikan Amerika dari '*German Institute for International and Security Affairs*' berpandangan bahawa G7 berupaya untuk mengubah haluan politik daripada autoritarianisme kepada liberalisme (Council of Foreign Relations, 2024). Namun, dinamik kuasa global yang berubah yang dicerminkan oleh ketiga-tiga G7, G20 dan BRICS oleh Patrick (2024) telah membincangkan tentang perkembangan dan persaingan antara BRICS, G7, dan G20 sebagai kelompok minilateral yang memainkan peranan penting dalam tadbir urus ekonomi global. Persaingan strategik yang semakin meningkat antara kuasa-kuasa besar ini telah melemahkan kerjasama multilateral dalam menghadapi cabaran global (Jokela dan Saul, 2023). Organisasi antarabangsa utama menghadapi kesukaran dalam membuat keputusan dan melaksanakan pembaharuan akibat perbezaan kepentingan dan nilai yang dibawa oleh kumpulan-kumpulan tersebut. Hal ini kerana, ketiga-tiga kumpulan tersebut berpotensi besar untuk mengubah arah ekonomi global yang boleh memberi kesan kepada keseluruhan sistem ekonomi dunia.

Dominasi negara-negara G7 yang menjunjung prinsip dan nilai yang sama, dalam sistem ekonomi global pasca Perang Dingin telah berjaya menyebarkan amalan liberal demokrasi ke sebahagian besar negara di dunia (Ilkenberry, 2023). Keadaan ini menyebabkan sistem ekonomi global yang berorientasikan barat mengatur ekosistem kewangan dan perdagangan dunia. Jorgenson dan Vu (2013), menyebut tentang peralihan kuasa ekonomi global daripada ekonomi perindustrian tradisional, G7 iaitu AS dan Jepun kepada ekonomi sedang pesat membangun, BRICS dan G20 khususnya China dan India. Perubahan ini dikatakan, didorong oleh kadar pertumbuhan yang berbeza-beza, perubahan demografi dan sumbangan yang berbeza kepada KDNK global. Artikel mereka juga mengetengahkan tentang peralihan peringkat awal Orde Ekonomi Baru di mana China akan mengatasi AS sebagai ekonomi terbesar dunia sambil diikuti oleh India serta Jepun dan AS akan terus berada di belakang mereka dalam KDNK per kapita. Maka, peralihan kuasa ekonomi global di antara G7 dan G20 ini telah mencerminkan perubahan dalam hierarki kuasa kerana pertumbuhan ekonomi mereka yang kini perlakan, sebahagiannya disebabkan oleh faktor seperti penurunan tenaga kerja dan krisis kewangan yang melanda telah membolehkan kebangkitan G20.

Potensi ini dikuatkan lagi apabila perubahan ini turut disertai oleh BRICS sebagai pemain baharu. Vyas-Doorgapersad (2022) di dalam penulisan beliau menyentuh potensi masa depan BRICS di mana secara kolektifnya ia dapat menyumbang 30.4% daripada KDNK global, yang berpotensi untuk mengekalkan pertumbuhan sehingga 2030 melalui inisiatif pelaburan dan ekonomi. Buktinya, jumlah agregrat KDNK BRICS telah berjaya mengatasi G7 pada tahun 2015 dan BRICS diramal akan mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat berbanding G7 yang diunjurkan lebih perlakan, dengan Pariti Kuasa Beli (PPP) yang berjumlah 60 billion USD pada tahun 2023 (Naidu, & Carvalho, 2025). Bahkan, Holtzmann dan van der Voort (2025) juga telah menyatakan bahawa dengan merangkumi 55% populasi dunia, BRICS kini telah menyumbang kepada 46% KDNK global. Selain BRICS, pada tahun 2024 telah wujudnya apa yang dipanggil sebagai BRICS+ yang telah dibincangkan oleh Azevedo, et al. (2024) bahawa terdapat lima cara BRICS+ boleh memberi impak global yang ketara dan mengubah orde dunia baru. Cara yang dikatakan adalah berdasarkan sumber tenaga seperti gas dan petroleum, rangkaian perdagangan, pembiayaan infrastruktur dan pembangunan, polisi monetari, dan kerjasama teknologi. Patrick (2024) beranggapan bahawa kebangkitan BRICS telah menggambarkan kepercayaan bersama dalam negara-negara membangun baru bahawa kepercayaan dan polisi yang amalkan oleh kuasa barat tidak lagi relevan, terutamanya dalam sistem tadbir urus ekonomi global.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis impak G7, G20, dan BRICS terhadap negara-negara membangun, dengan fokus terhadap Indonesia serta Brazil sebagai kajian kes. Kaedah perbandingan digunakan untuk menyelidik bagaimana kedua-dua negara tersebut menghadapi dinamik kuasa global sambil membentuk strategi kemajuan ekonomi yang bersesuaian. Proses pengumpulan data bermula dengan meneliti sumber sekunder seperti dokumen dasar kerajaan dan pangkalan data rasmi institusi kewangan global iaitu Bank Dunia dan IMF untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai strategi pembangunan ekonomi yang diperkenalkan oleh ketiga-tiga blok tersebut. Selain itu, artikel akademik dan surat khabar juga telah dianalisis bagi meneliti pentadbiran ekonomi di peringkat global serta bagi membantu untuk mendapatkan perkembangan terkini tentang perubahan dasar dan perubahan terhadap dinamik geopolitik yang terkesan dengan blok-blok tersebut. Menurut Ajayi (2023), data sekunder merupakan data yang sudah wujud sebelum kajian baru dijalankan atau lebih berkaitan dengan maklumat masa lalu serta melibatkan proses pengumpulan yang lebih cepat dan mudah berbanding data primer. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, penggunaan data sekunder adalah sesuai bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh mengenai strategi kemajuan ekonomi yang dibentuk oleh negara-negara anggota G7, G20, dan BRICS, terutamanya Indonesia dan Brazil. Melalui pendekatan ini juga, kajian ini dapat memperoleh data yang luas dan relevan dalam masa yang lebih singkat, sekaligus memastikan keberkesanan proses analisis dan kesahan dapatan kajian tanpa memerlukan pengumpulan data primer yang lebih memakan masa dan sumber.

Hasil Kajian

1. Indonesia dalam G7, G20 dan BRICS

Kehadiran G7 dalam pembangunan Indonesia tidaklah mutlak dan dominan memandangkan Indonesia bukanlah anggota kepada kumpulan tersebut. Namun, Indonesia masih menjalankan hubungan dagangan yang kuat dengan negara anggota G7 dan sering dijemput sebagai tetamu ke sidang kemuncak G7 sekaligus menunjukkan kepentingannya sebagai ekonomi terbesar di Asia Tenggara. Contohnya, pada Sidang Kemuncak G7 2022 di Jerman, Indonesia dijemput kerana peranannya sebagai pengurus G20 pada tahun itu (Johari, 2022). Hubungan di antara G7 dan Indonesia boleh dikatakan tertumpu kepada tindakan iklim terutamanya melalui Perkongsian Peralihan Tenaga yang Adil (JETP). G7 telah menjanjikan \$20 bilion untuk membantu Indonesia mempercepatkan peralihan dari bahan api fosil ke tenaga boleh diperbaharui di mana G7 bersama Denmark dan Norway akan menyalurkan dana ini kepada Indonesia dalam tempoh tiga hingga lima tahun (Jong, 2022). Namun setakat September 2024, Indonesia masih belum menerima dana yang dijanjikan oleh G7, sebahagiannya akibat penarikan diri AS dari JETP (Sudarshan, 2024 & Cocks et al., 2025). Penarikan ini menjelaskan jumlah dana dan keberkesaan JETP, kerana AS merupakan penyumbang utama dalam peralihan tenaga hijau Indonesia. Hal ini telah memperlihatkan bahawa sebarang perubahan yang berlaku oleh G7 berupaya mempengaruhi kestabilan dan keberkesaan inisiatif global seperti JETP, terutamanya bagi negara membangun seperti Indonesia yang bergantung kepada komitmen pembiayaan antarabangsa untuk mencapai peralihan tenaga yang adil dan mampan.

Manakala, hubungan dengan G20 pula boleh diperhatikan melalui keanggotaan Indonesia di dalam G20 yang menjadikan negara itu wakil tunggal negara dari rantau Asia Tenggara dalam G20. Indonesia sebagai sebuah negara membangun yang berhadapan dengan masalah ekonomi asas seperti peruntukan negara yang terbatas mempunyai peluang yang terbaik untuk mengetengahkan hasratnya dan aspirasi negara-negara membangun yang lain seperti ASEAN ke meja perbincangan G20 untuk diambil perhatian yang serius. Hal ini bertepatan dengan hasrat Indonesia dalam meningkatkan penglibatan serta peranan negara tersebut di pentas global dengan memainkan fungsi yang lebih besar di dalam sistem politik antarabangsa yang dinamik (Weck, 2011). Melalui G20, Indonesia juga berpeluang untuk mempertingkat pelaburan ke dalam negaranya. Contohnya, Indonesia telah merekodkan peningkatan pelaburan terus asing sebanyak 30.2% pada suku kedua 2022, dan berjaya mengikat komitmen pelaburan sebanyak 8 bilion USD dari negara seperti China, Korea Selatan, dan Kesatuan Eropah semasa mempengerusikan sidang kemuncak G20 di Bali (Jakarta Globe, 2022; Nugraha, 2022). Sebagai pengurus sidang kemuncak G20 ke-17, Indonesia juga telah menyokong inisiatif *Resilience and Sustainability Trust* (RST) oleh IMF, yang menyediakan 81.6 bilion USD untuk membantu negara-negara berpendapatan rendah dan sederhana menangani krisis pandemik serta mencapai pembangunan lestari (Steele et al., 2021). Setakat 2024, sebanyak 18 negara telah mendapat manfaat daripada RST terutama dalam membantu usaha mereka untuk menangani cabaran struktur, meningkatkan daya tahan, dan menggerakkan inisiatif pembangunan lestari (Das, 2024). Di bawah pemerintahan Prabowo, Indonesia telah secara rasmi menjadi anggota BRICS pada 7 Januari 2025 (Shofa, 2025). Maka disebabkan penyertaan Indonesia di dalam BRICS masih berada di peringkat awal, tiada peranan signifikan yang telah berjaya dimainkan oleh negara tersebut. Walau bagaimanapun, dengan kedudukannya sebagai negara yang memiliki populasi serta saiz ekonomi terbesar di rantau Asia Tenggara, ditambah lagi dengan keanggotaannya di dalam G20, Indonesia dilihat berpotensi untuk memainkan peranan yang besar dan berkesan dalam kumpulan tersebut, di samping memperoleh banyak manfaat daripadanya. Menurut Sofia dan Sulistiyandari (2024), selain berpeluang untuk menggunakan BRICS sebagai platform untuk menyuarakan hasrat serta kepentingan negara-negara membangun, Indonesia juga berpeluang meneroka pasaran antarabangsa yang lebih luas. Tambahan lagi, keanggotaan Indonesia ke dalam BRICS boleh meningkatkan kuasa rundingan (*bargaining power*) negara tersebut dengan negara anggota di dalam *Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD) (Sofia & Sulistiyandari, 2024). Indonesia bukan sahaja berkemampuan dalam memperjuangkan kepentingan negara-negara membangun, terutama negara-negara Selatan dengan lebih berkesan, bahkan, Indonesia juga boleh menjadikan BRICS sebagai medan untuk menegaskan pendirian polisi luar yang lebih kuat. Sebagai contoh, Indonesia boleh memanfaatkan BRICS untuk menegaskan sokongannya

ke arah orde dunia yang lebih inklusif dan multipolar, dan mendokong perjuangan hak penduduk Palestin (Fayyaz, 2024).

2. Brazil dalam G7, G20 dan BRICS

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Brazil telah menunjukkan daya tahan ekonomi yang luar biasa dan kekuatan ekonomi ini cuba diterjemahkan oleh Brazil kepada kekuatan politik di peringkat global dengan cara mendesak dan menggesa perubahan tadbir urus global yang lebih saksama terhadap negara membangun sepertinya. Walaupun Brazil bukan sebahagian daripada anggota G7, keputusan dan polisi yang dilaksanakan oleh G7 secara tidak langsung mampu memberikan impak kepada Brazil dalam tadbir urus global. Contohnya, ketika Brazil sedang berhadapan dengan krisis kewangan pada tahun 1983 dan memohon bantuan kewangan daripada IMF. Walaupun IMF memberikan bantuan untuk Brazil menghadapi krisis kewangan pada ketika itu, namun syarat-syarat yang dikenakan oleh IMF seperti memperketatkan polisi belanjawan kerajaan telah menyebabkan ekonomi Brazil lebih tertekan. Bukan sahaja telah menyebabkan berlakunya campur tangan dalam urusan pentadbiran ekonomi Brazil, bahkan ia juga telah menyebabkan Brazil mengalami penurunan GDP sebanyak 4% dan peningkatan inflasi sebanyak 211% pada penghujung 1983 (Galano III, 1994). Polisi belanjawan yang diperketatkan jika dilihat merupakan satu langkah intervensi IMF terhadap negara-negara membangun seperti Brazil. Perkara ini bahkan secara tidak langsung telah menimbulkan persoalan tentang kesaksamaan dalam tadbir urus global.

G7, yang menguasai majoriti saham di Bank Dunia dan IMF, didakwa menyebabkan ketidakadilan melalui syarat pinjaman yang menekan Brazil. Maka, Brazil telah menggunakan platform G20 untuk menekan dan menuntut keadilan dalam institusi kewangan global, khususnya dalam sistem kuota dan saham mengundi IMF, agar lebih terbuka dan adil kepada negara membangun (Mahrulkh, 2016). Justeru selain menuntut tadbir urus global yang lebih saksama dalam institusi kewangan antarabangsa, Brazil juga melalui G20 turut berusaha untuk meningkatkan kepentingan atau pegangan sahamnya di dalam Bank Dunia. Menurut Mahrulkh (2016) lagi, Brazil berjaya menaikkan kuotanya dalam IMF dari 1.42% kepada 2.32% pada 2010, menempatkannya di kedudukan kesepuluh dalam agihan saham IMF. Peningkatan ini bukan sahaja memberi Brazil kuasa undi yang lebih besar, tetapi juga memperkuuh kedudukannya sebagai wakil penting bagi negara-negara membangun dalam perundingan dasar kewangan global. Ia turut menandakan kejayaan strategi diplomasi ekonomi Brazil yang menggunakan saluran pelbagai hala seperti G20 untuk melonjakkan kedudukan ekonomi mereka. Sungguhpun begitu, keterbatasan G20 yang berkONSEPkan forum tanpa kuasa mengikat masih menjadi halangan kepada Brazil untuk mencapai perubahan struktur yang menyeluruh.

Selain G20, Brazil juga telah menubuhkan BRICS bersama dengan Rusia dan beberapa negara lain dengan mengumpulkan beberapa negara membangun yang pesat seperti China, India dan beberapa yang lain. Meninjau konteks keadilan dalam institusi kewangan antarabangsa lagi, Brazil di dalam BRICS juga masih menuntut keadilan di dalam institusi kewangan antarabangsa berbanding yang sedia ada sekarang. Usaha juga telah dilakukan dengan menubuhkan Bank BRICS sebagai alternatif kepada institusi kewangan antarabangsa sedia ada di mana menurut Chakraborty (2018), penciptaan Bank BRICS adalah inisiatif untuk membantu negara negara membangun. Bank ini akan membiayai projek infrastruktur dan pembangunan kepada negara membangun justeru memberikan mereka alternatif lain untuk mendapatkan bantuan kewangan pembangunan infrastruktur selain IMF dan Bank Dunia. Usaha Brazil melalui BRICS ini adalah tidak lain untuk memastikan proses tadbir urus institusi kewangan mempunyai keadilan untuk negara-negara membangun selain menyediakan dana untuk negara melalui krisis-krisis yang tertentu terutamanya bagi negara ahli BRICS. Dengan erti kata yang lain, hal ini juga bermaksud Brazil akan memperoleh manfaat seperti mendapat alternatif kepada institusi kewangan yang dipelopori negara G7 seperti IMF dan Bank Dunia.

Perbincangan

Berdasarkan kes kajian yang telah disentuh, dapat dilihat bahawa G7, G20 dan BRICS mempunyai pelbagai pendekatan dalam mencampuri tadbir urus sesebuah negara untuk mengawal sistem orde dunia terutamanya dari aspek ekonomi. Jadual 1 memaparkan perbezaan utama antara G7, G20 dan BRICS tentang bagaimana ketiga-tiga badan ini mengamalkan pendekatan yang berlainan dalam struktur tadbir urus global. G7 lebih

bersifat eksklusif dan berfokus kepada kepentingan negara maju, G20 menggabungkan negara maju dan membangun bagi memastikan keputusan lebih inklusif, manakala BRICS pula berusaha membina alternatif kepada institusi kewangan barat dengan memperjuangkan kerjasama yang lebih saksama bagi negara membangun.

Jadual 1. Perbandingan antara G7, G20 dan BRICS

| Badan | G7 | G20 | BRICS |
|-----------------|---|---|---|
| Tahun penubuhan | 1975 | 1999 | 2009 |
| Keahlian | 7 negara maju (AS, UK, Jerman, Perancis, Itali, Kanada, Jepun) | 19 negara dan Kesatuan Eropah (EU) | Brazil, Rusia, India, China, Afrika Selatan (dan tambahan baru) |
| Fokus utama | Isu ekonomi global, keamanan, perubahan iklim, geopolitik | Tadbir urus ekonomi global yang inklusif | Kerjasama negara membangun, cabaran terhadap dominasi barat |
| Kelebihan | Pengaruh kuat dalam institusi global Cepat bertindak dalam krisis | Representasi lebih luas (negara membangun & maju) Keputusan lebih inklusif | Membina alternatif baru seperti Bank BRICS Sokong multilateralisme dan pembangunan saksama |
| Kelemahan | Eksklusif, kurang keterangkuman Fokus berat sebelah terhadap kepentingan barat | Forum tanpa kuasa mengikat Masih terdapat pengaruh anggota G7 | Ketidakseimbangan dalaman (dominasi China) Masih baru dan institusi lemah |

Namun secara dalamnya lagi, kumpulan G7 yang terdiri daripada negara maju sering dilihat sebagai satu simbol dominasi kuasa unipolar memandangkan struktur kuasanya sering berpihak kepada barat. Sekiranya diperhatikan, pemegang saham utama di dalam badan kewangan dunia ini dimiliki oleh gabungan negara-negara G7 dengan AS sebagai pemegang saham terbesar di dalam IMF dan Bank Dunia. Hal ini telah memberikan kuasa kepada AS untuk memegang jawatan tertinggi serta menjadi satu-satunya negara di dalam institusi tersebut yang mempunyai kuasa veto untuk menolak sebarang perubahan yang boleh membahayakan kedudukannya dalam institusi kewangan ini (Wade, 2011). Maka, polisi dan syarat bantuan kewangan yang banyak dipengaruhi oleh kedudukan G7 di dalam IMF dan Bank Dunia menampakkannya sebagai satu bentuk intervensi terhadap negara-negara membangun seperti Brazil. Perkara ini secara tidak langsung telah menimbulkan persoalan tentang kesaksamaan dalam tadbir urus global. Malah berdasarkan Lonel (2021), Sidang Kemuncak G7, 2021 telah membentangkan isu-isu di mana salah satunya adalah strategi mengekang China dengan mempertahankan nilai-nilai bersama G7. Ini menunjukkan keobsesan G7 dalam mengekang China berbanding mengetengahkan isu-isu global yang lain seperti pembersihan etnik dan pemusnahan hutan Amazon. Fokus G7 yang mementingkan kepentingan sendiri mencerminkan ketidakseimbangan struktur kuasa global, di mana agenda mereka lebih diutamakan berbanding keperluan sejagat.

Seterusnya walaupun G20 di dalam sistem orde dunia boleh dilihat sebagai salah satu arena multilateral bagi negara membangun dan maju selain untuk mengimbangi dominasi G7. Namun realitinya, dasar ekonomi global masih dikawal oleh institusi barat. G20 jika dilihat, masih didominasi oleh anggota G7 seperti AS, UK, dan Kesatuan Eropah. Negara membangun seperti Indonesia dan Brazil di dalam G20 seringkali kurang berpengaruh dalam menentukan dasar dan seringkali menjadi mangsa persaingan negara anggota yang besar. Walaupun Indonesia berjaya memperolehi banyak faedah daripada G20, namun hakikatnya Cooper (2019), telah membahaskan tentang bagaimana G20 tidak lagi memainkan peranannya sebagai jawatankuasa krisis. Hal ini di mana jika semasa krisis kewangan global 2008, G20 bertindak sebagai forum utama untuk menyelaraskan tindak balas ekonomi dunia namun kini ia telah kehilangan keupayaan kawalan langsung terhadap dasar ekonomi global kerana perpecahan dalam kepentingan negara anggotanya. Ia telah menjadi satu mekanisme plurilateral iaitu walaupun lebih banyak negara terlibat, namun kurang

kesepakatan dalam hala tuju dasar ekonomi. Maka, G20 boleh dikatakan bukan satu badan atau kumpulan yang berkedudukan untuk menetapkan atau membuat keputusan utama kerana ia terikat dengan pengaruh institusi kewangan global yang dikawal oleh negara maju.

Manakala BRICS pula di dalam sistem orde dunia boleh dilihat sebagai satu blok kuasa alternatif bagi mencabar struktur kuasa unipolar yang lama dan menyumbang ke arah pembentukan orde dunia multipolar. Kita telah diperlihatkan dengan bagaimana BRICS mempromosikan kerjasama dalam kalangan negara membangun melalui institusi kewangan alternatif iaitu Bank Pembangunan Baru (NDB) dan Kerjasama Selatan-Selatan (SSC) tanpa perlu bergantung sepenuhnya pada kuasa barat. Gomes dan Esteves (2018), menggelarkan kesan kemunculan BRICS dalam mengubah struktur dan norma dalam bidang kerjasama pembangunan antarabangsa (IDC) khususnya dalam memperkuatkan SCC sebagai Kesan BRICS. Maka menurut mereka, walaupun SCC bukan satu bentuk yang homogen, namun harus dikira bahawa SCC yang diperkuatkan oleh BRICS menekankan prinsip tanpa syarat, tidak campur tangan dalam hal dalaman dan berdasarkan permintaan negara yang menerima bantuan kewangan. Prinsip ini justeru telah mencabar model pembangunan barat yang sering disertai syarat ekonomi dan politik. Namun masih terdapat isu ketidaksepakatan di mana anggota BRICS tidak sepenuhnya sehaluan dari segi ideologi dan kepentingan yang mana ia boleh dilihat daripada dua strategi oleh Kuik dan Abdul Razak (2025). Strategi '*institutional balancing*' merujuk kepada penggunaan BRICS sebagai alat untuk menyeimbangkan kuasa yang dianggap sebagai ancaman contohnya India menyeimbangkan pengaruh China. Manakala '*institutional hedging*' merujuk kepada strategi negara seperti Brazil dan Afrika Selatan untuk mengurangkan pelbagai risiko dalam dunia yang penuh ketidakpastian, bukan untuk menentang mana-mana kuasa secara langsung. Perkara ini telah memperlihatkan bagaimana BRICS ini juga turut digunakan sebagai alat untuk mencapai kepentingan yang tidak mereka dapatkan daripada kumpulan atau institusi lain dan hal ini boleh membawa kepada ketegangan geopolitik baharu serta meningkatkan risiko konflik ekonomi dan serantau. Bukan sahaja itu, skop ketidakseimbangan kuasa terhadap ahli yang mempunyai kuasa atau pengaruh yang besar seperti China juga masih berada di tahap berjaga-jaga memandangkan negara tersebut mendominasi pasaran global pada kadar yang lebih pantas dan besar. Hal ini sejajar dengan penulisan oleh Naim dan Hasanah (2024) di mana walaupun BRICS mencabar kuasa barat, ia juga menunjukkan ciri kawalan ekonomi yang menyerupai kuasa lama, seperti "Diplomasi perangkap hutang" China, yang memberi pinjaman besar kepada negara membangun dengan syarat tertentu serta pengaruh propaganda Rusia dalam geopolitik global.

Justeru itu dalam pergelutan politik, ekonomi bahkan pembangunan di pentas antarabangsa ini, negara membangun seperti Indonesia dan Brazil seolah-olah terhimpit di antara dominasi G7, 'peluang' di dalam G20, dan cabaran membina alternatif baharu melalui BRICS untuk mencipta keseimbangan kuasa global. Oleh itu, pemusatan kuasa terhadap satu kumpulan atau sekutu sahaja seperti G7 adalah satu risiko dan berupaya membawa implikasi terutamanya ke atas negara membangun seperti Indonesia dan Brazil. Tambahan pula, setiap keputusan institusi kewangan antarabangsa yang dipengaruhi oleh G7 tidak akan berhasil untuk menyediakan solusi yang unik terhadap masalah setiap negara-negara membangun yang berbeza. Solusi generik yang seringkali diberikan akan hanya menambahkan lagi kesukaran untuk negara-negara membangun untuk mencapai pembangunan yang mampan. Lantas, negara-negara membangun akan lebih perlahan untuk keluar dari kitaran kemiskinan dan terus menghadapi cabaran untuk mengakses pasaran dunia dan teknologi terkini. Sungguhpun begitu, jika G20 menunjukkan tahap dominasi yang lebih kuat berbanding G7, maka akan wujud sebuah jalan yang memberikan keadilan dan saksama terhadap negara-negara membangun. Negara anggota G20, yang mungkin menghadapi masalah serupa dengan negara membangun lebih berhak bersuara dari perspektif mereka untuk meningkatkan lagi tahap keberkaitan (relevancy), serta membawa kepada jalan penyelesaian yang lebih efektif dan inklusif. Hal ini dapat dibuktikan daripada kejayaan Indonesia dan Brazil yang berjaya membuktikan kemampuannya berdasarkan sumbangan mereka di G20 dalam memastikan negara-negara membangun dan miskin yang lain tidak ketinggalan daripada menerima manfaat daripada inisiatif-inisiatif yang dijalankan di peringkat global. Secara tidak langsung ia telah menunjukkan kesan yang luar biasa apabila ruang dan peluang diberikan kepada negara-negara membangun untuk berpartisipasi di dalam pembentukan dan pergerakan polisi global.

Begitu juga dengan BRICS di mana walaupun masih terdapat kelemahannya, namun ahli BRICS yang mempunyai tahap kepelbagaian yang tinggi dari segi struktur politik, sistem ekonomi serta budaya sepatutnya digunakan untuk memberi ruang kepada BRICS merangka pendekatan yang lebih inklusif dan pelbagai dimensi, selari dengan semangat SSC yang menekankan prinsip kesamarataan, saling menghormati, dan tiada campur tangan dalam hal ehwal dalaman. Bahkan, kewujudan inisiatif seperti NDB membuktikan bahawa ahli BRICS khususnya negara membangun mampu bersatu dalam matlamat bersama untuk mencabar ketidakseimbangan global dan memperjuangkan sistem pembangunan yang lebih adil. Sekiranya BRICS dapat terus berkembang, ini akan mewujudkan peluang bagi Indonesia dan Brazil untuk mengukuhkan kekuatan ekonomi mereka sendiri dan mengurangkan kebergantungan terhadap US Dollar sewaktu berdagang. Maka, untuk memastikan BRICS menjadi sebuah platform yang sepenuhnya efektif dan saksama, sebuah rangka kerja yang lebih seimbang perlu dibangunkan untuk memastikan ekonomi tidak didominasi oleh China sahaja dan sokongan kewangan terhadap ahli lain terutamanya negara-negara membangun perlu diwujudkan agar BRICS dapat mempunyai pengaruh yang lebih kuat di dalam IMF dan Bank Dunia.

Kesimpulan

Perubahan dalam keseimbangan kuasa global telah membawa kepada kemunculan pelbagai blok ekonomi dan politik yang berusaha untuk mempengaruhi sistem tadbir urus dunia. Sungguhpun begitu, potensi sebenar G20 dan BRICS untuk merintis perubahan struktur dalam sistem ekonomi global yang adil sebenarnya masih bergantung kepada dinamik dalaman serta peranan aktif negara-negara membangun seperti Indonesia dan Brazil. Kedua-dua negara ini telah menunjukkan aspirasi yang tinggi untuk membawa isu-isu negara membangun ke pentas antarabangsa, terutamanya melalui penglibatan mereka dalam forum G7, G20 dan penyertaan baharu dalam BRICS. Indonesia, sebagai satu-satunya wakil Asia Tenggara dalam G20 dan ahli baharu BRICS, berpotensi menjadi jambatan strategik antara ASEAN dan Selatan Global. Begitu juga Brazil, yang merupakan pengasas BRICS dan negara yang mempunyai potensi ekonomi besar yang dijangka mendominasi ekonomi global akan datang berpotensi menggunakan platform ini untuk memperjuangkan reformasi institusi kewangan global. Dengan membawa pengalaman, kepelbagaian budaya, dan kepentingan geopolitik serantau, Indonesia dan Brazil melalui G20 atau BRICS boleh memainkan peranan sebagai agen penyeimbang yang mendorong ke arah pembentukan sistem tadbir urus global yang lebih multipolar dan responsif terhadap keperluan pembangunan negara-negara membangun.

Penghargaan: Terima kasih kepada semua pengkaji yang telah menyumbang kepada kajian ini.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Azevedo, D., Bakliwal, S., Chen, C., Gilbert, M., Koch-Weser, I., Lang, N., & McAdoo, M. (2024). *An Evolving BRICS and the Shifting World Order*. Boston Consulting Group. <https://www.bcg.com/publications/2024/brics-enlargement-and-shifting-world-order>
- Baker, A. (2006). *The Group of Seven Finance Ministries, Central Banks and Global Financial Governance*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203001493>
- Chakraborty, S. (2018). Significance of BRICS: regional powers, global governance, and the roadmap for multipolar world. *Emerging Economy Studies*, 4(2), 182–191. <https://doi.org/10.1177/2394901518795070>
- Cocks, T., Guarascio, F., & Nangoy, F. (2025, March 7). Exclusive: US withdraws from plan to help major global polluters move from coal. *Reuters*. <https://www.reuters.com/sustainability/climate-energy/us-withdrawing-plan-help-major-polluters-move-coal-sources-2025-03-05/>
- Cooper, A. F. (2019). The G20 is dead as a crisis or steering committee: Long live the G20 as hybrid focal point. *South African Journal of International Affairs*, 26(4), 505–520. <https://doi.org/10.1080/10220461.2019.1699855>

- Crowe, C. (2025). *Trade: BRICS expansion into payment systems poses threat to dominance of US dollar.* International Bar Association. <https://www.ibanet.org/BRICS>
- Das, U. (2024). *The power of the private sector: boosting climate resilience.* OMFIF. <https://www.omfif.org/2024/07/the-power-of-the-private-sector-boosting-climate-resilience/>
- Dijkstra, H., & Greco, E. (2024). Relic of the Past or Catalyst for Change? The G7 and the Future of Global Governance. *Ensured Europe.* <https://www.ensuredeurope.eu/publications/g7-and-global-governance>
- Enea, S., Palașcă, S., & Țigănaș, C. (2015). G7 Countries – Advocates of the Global Business Cycle. *Procedia Economics and Finance*, 20, 193-200. [https://doi.org/10.1016/S2212-5671\(15\)00065-9](https://doi.org/10.1016/S2212-5671(15)00065-9)
- Fayyaz, M. (2024). Indonesia's Strategic Pivot: A Deeper Dive into the BRICS Membership Bid. *The Geopolitics.* <https://thegeopolitics.com/indonesias-strategic-pivot-a-deeper-dive-into-the-brics-membership-bid/>
- Gaddis, J. L. (2005). *The Cold War: A New History.* Penguin Press
- Galano III, A. (1994). International monetary fund response to the Brazilian debt crisis: whether the effects of conditionality have undermined Brazil's national sovereignty?. *Pace International Law Review*, 6(2), 323-351. <https://doi.org/10.58948/2331-3536.1142>
- Gurunathan, A., & Moorthy, R. (2021). China and the Indo-pacific in India-ASEAN ties: prospects for ASEAN. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 18(9), 42-57
- Gomes, G. Z., & Esteves, P. (2018). The BRICS Effect: Impacts of South-South Cooperation in the Social Field of International Development Cooperation. *IDS Bulletin*, 49(3). <https://doi.org/10.19088/1968-2018.152>
- Hajnal, P. (2022). Whither the G7 and G20?. *Canadian Foreign Policy Journal*, 28(2), 127-143. <https://doi.org/10.1080/11926422.2022.2027797>
- Holtzmann, H. D., & van der Voort, A. (2025). *BRICS - What are the key issues for 2025?* Friedrich Naumann Foundation. <https://www.freiheit.org/brics-what-are-key-issues-2025>
- Ikenberry, G. J. (2023). The G-7 Becomes a power player. *Foreign Policy*
- Jakarta Globe. (2022, July 20). Indonesia FDI accelerates to a new record high in Q2 2022. <https://jakartaglobe.id/business/indonesia-fdi-accelerates-to-a-new-record-high-in-q2-2022>
- Johari, S. (2022, Jun 30). Indonesia bakal sahkan kedudukan sebagai kuasa baharu dunia? *Astroawani.* <https://www.astroawani.com/berita-dunia/indonesia-bakal-sahkan-kedudukan-sebagai-kuasa-baharu-dunia-368921>
- Jokela, J. & Saul, A. (2023). *The Changing Dynamics of the G7, G20 and BRICS [Briefing Paper].* The Finnish Institute of International Affairs. https://www.fiiia.fi/wp-content/uploads/2023/04/bp361_the-changing-dynamics-of-the-g7-g20-and-brics.pdf
- Jong, H. N. (2022). Indonesia seals \$20 billion deal with G7 to speed up clean energy transition. *Mongabay.* <https://news.mongabay.com/2022/11/indonesia-seals-20-billion-deal-with-g7-to-speed-up-clean-energy-transition/>
- Jorgenson, D. W., & Vu, K. M. (2013). The emergence of the new economic order: growth in the G7 and the G20. *Journal of Policy Modeling*, 35(3), 389–399. <https://doi.org/10.1016/j.jpolmod.2013.03.001>
- Keohane, R. (2003). *Power and Governance in a Partially Globalized World.* Routledge
- Kolesnichenko, O., Rozanov, A., & Debin, L. (2016). The Role of BRICS in Global Politics. In L. Grinin, I. Illin, A. Korotayev, & P. Herrmann (Eds.), *Globalistics and Globalization Studies: Global Transformations and Global Future* (pp. 277–282). ‘Uchitel’ Publishing House. https://www.sociostudies.org/upload/sociostudies.org/almanac/globalistics_and_globalization_studies_5/277-282.pdf
- Kuik, C.-C., & Abdul Razak, A. (2025). *The Geopolitics of BRICS: Between (and Beyond) Institutional Balancing and Institutional Hedging* (pp. 1–39). International Relations at the Institute of Malaysian and International Studies (IKMAS). https://www.ukm.my/ikmas/wp-content/uploads/2025/02/IKMAS-WP-20251_The-Geopolitics-of-BRICS.pdf
- Layne, C. (2012). This time it's real: the end of unipolarity and the Pax Americana. *International Studies Quarterly*, 56(1), 203–213. <https://doi.org/10.1111/j.1468-2478.2011.00704.x>

- Lonel, Z. (2021). G7 summit, June 2021: Asserting democratic values in the post-crisis context. *European Parliamentary Research Service*. https://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/BRIE/2021/690648/EPRS_BRI%282021%29690648_EN.pdf
- Mahrukh, D. (2016). Brazil's Role in Institutions of Global Economic Governance: The WTO and G20. <https://hull-repository.worktribe.com/preview/437277/2016-10-15%2013131%20Doctor%203.pdf>
- MÜLLER, C. (2020). Brazil and the Amazon Rainforest: Deforestation, biodiversity and cooperation with the EU and international forums. *European Parliamentary Research Service*. <https://coilink.org/20.500.12592/15vqqg>
- Naidu, S., & Carvalho, G. D. (2025). BRICS expansion: redefining global structural power in a changing world order. *Policy Insights*, 160. <http://www.jstor.org/stable/resrep67381>
- Naim, C. A., & Hasanah, F. (2024). Deconstructing the empire: BRICS and the rise of a multipolar world. *Andalas Journal of International Studies*, 13(1), 80–80. <https://doi.org/10.25077/ajis.13.1.80-90.2024>
- Nelson, R. M. (2020). International economic policy coordination at the G-7 and the G-20. *Congressional Research Service*. <https://crsreports.congress.gov/product/pdf/R/R40977>
- Nugraha, R. M. (2022, November 18). G20 summit gathers US\$ 8 billion-worth of investment commitment, minister says. *Tempo English*. <https://en.tempo.co/read/1658415/g20-summit-gathers-us-8-billion-worth-of-investment-commitment-minister-says>
- Olsen, S. H., Zusman, E., Unger, C., Kawazu, E. C., Amanuma, N., Hengesbaugh, M., & Aoki-Suzuki, C. (2023). Comparing clubs: analyzing ambitions in the G7 and the G20. *Earth System Governance*, 18, 1-11. <https://doi.org/10.1016/j.esg.2023.100195>
- Patrick, S. (2024). BRICS expansion, the G20, and the future of world order. *Carnegie Endowment for International Peace*. <https://carnegieendowment.org/research/2024/10/brics-summit-emerging-middle-powers-g7-g20?lang=en>
- Shofa, J. N. (2025, January 7). Indonesia officially becomes BRICS full member, vows to be active. *Jakarta Globe*. <https://jakartaglobe.id/news/indonesia-officially-becomes-brics-full-member-vows-to-be-active>
- Sofia, H., & Sulistiyandari, R. (2024, November 11). BRICS membership: Indonesia's path to global economic influence. *ANTARA News*. <https://en.antaranews.com/news/333733/brics-membership-indonesias-path-to-global-economic-influence>
- Steele, P., Patel, S., & Volz, U. (2021). Creating a resilience and sustainability trust (RST) at the IMF: how to support climate-vulnerable countries. *International Institute for Environment and Development*. <https://www.iied.org/sites/default/files/pdfs/2021-10/20576G.pdf>
- Sudarshan, V. (2024, September 9). Indonesia has yet to receive promised G7 funds to reduce coal use. *Reuters*. <https://www.reuters.com/business/energy/indonesia-says-seeking-global-help-accelerate-coal-power-plant-retirement-2024-09-09/>
- Vyas-Doorgapersad, S. (2022). The role of BRICS in global governance to promote economic development. *Africa's Public Service Delivery and Performance Review*, 10(1), 1-9. <https://apsdpr.org/index.php/apsdpr/article/view/633/1241>
- Wade, R. H. (2011). Emerging world order? from multipolarity to multilateralism in the G20, the world bank, and the IMF. *Politics & Society*, 39(3), 347–378. <https://doi.org/10.1177/0032329211415503>
- Weck, W. (2011). ASEAN and G20—Indonesia's Foreign Policy Perspectives. Konrad-Adenauer-Stiftung. https://www.kas.de/c/document_library/get_file?uuid=99d16d0f-ee7e-f0de-79bb-c56ecd84f93b&groupId=252038
- Yahya, S. H., Daud, S., & Huda, M. I. M. (2020). Kepentingan pelaburan langsung luar negara dalam model China dan impaknya terhadap kuasa lunak China. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 17(4), 105-123